034 WAKAF PENDIDIKAN DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN

Maffuza binti Salleh, Noor Syahida binti Abdul Rahman

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

maffuza@kuis.edu.my, *syahida@kuis.edu.my*

ABSTRAK

Wakaf pendidikan merupakan instrumen yang penting dalam pembangunan pendidikan masyarakat Islam. Ketiadaan sumber pendapatan tetap seperti bantuan dari pihak kerajaan atau penaja tetap serta kenaikan kos yuran pendidikan merupakan faktor utama kepada pelaksanaan wakaf pendidikan ini. Potensi yang ada pada wakaf pendidikan memerlukan strategi khusus yang berkesan bagi meningkatkan peranan harta wakaf tersebut. Metodologi yang digunakan adalah kajian perpustakaan dan observasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wakaf pendidikan masih kurang popular di kalangan masyarakat Islam Di Malaysia. Kertas kerja ini bertujuan meninjau amalan wakaf pendidikan di Malaysia juga cabaran yang dihadapi oleh institusi yang menguruskan wakaf. Kertas kerja ini juga bertujuan mengemukakan cadangan untuk penambahbaikan bagi mengatasi cabaran dan halangan dalam membangunkan wakaf ini agar pendidikan umat Islam dapat dimartabatkan dalam melahirkan ulamak dan umarak yang tersohor di mata dunia.

Kata Kunci : *Wakaf Pendidikan, amalan,Malaysia.*

PENGENALAN

Institusi pendidikan wakaf ialah sebuah organisasi atau institusi yang ditubuhkan melalui sumbangan masyarakat Islam atau dibina atas tanah atau bangunan yang diwakafkan untuk tujuan pendidikan Islam. Matlamat utamanya ialah untuk mendapat keredhaan Allah SWT, disamping melahirkan masyarakat Islam yang soleh, mukmin dan muttaqin. (Ahmad Zaki Hj Abd Latif, 2008, hlm.84-85)

Sebagaimana juga di Malaysia, institusi pendidikan yang berorientasikan wakaf tidak begitu menyerlah dan menonjol, kecuali dalam sistem pengajian pondok yang masih mengamalkan sistem pendidikan tradisional. Timbalan Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM), Mohamad Sahar Mat Din berpendapat zakat dapat menyelesaikan masalah masyarakat manakala wakaf mampu membina tamadun. Tetapi peranan wakaf dan zakat didapati masih kurang berkesan dalam meningkatkan mutu pendidikan umat Islam di Malaysia. Melalui institusi wakaf beban kerajaan dapat diringankan. Sebagai contoh beberapa universiti di negara ini perlu diwakafkan lantaran tiada usaha untuk menjana pendapatan sendiri dan hanya mengharapkan peruntukan dari kerajaan. (Raziatul Hanum A. Rajak. Sinar harian, 7 januari 2014)

DEFINISI WAKAF.

Wakaf berasal dari bahasa Arab *waqf*, iaitu nama terbitan *(masdar)* dari kata kerja *waqafa*, ia mempunyai berbagai-bagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Dari segi bahasa, *waqf* memberi makna berhenti السكن) , menegah (المنع) dan menahan(الحبس Ulama fiqh sepakat mentakrifkan wakaf mengikut istilah bahasa dengan *al-habs* ertinya menahan; kerana perkataan *al-habs* itu lebih hampir kepada pengertian syarak.

Dari sudut istilah syarak mengikut pendapat jumhur ulamak seperti imam al-Syafie, Abu Yusuf, Muhammad bin al-Hassan al-Shaybani dan ulamak Mazhab Hanbali berpendapat bahawa wakaf bermaksud menahan harta tertentu yang boleh dimanfaatkan dan keadaan harta tersebut mestilah bersifat kekal dan boleh dipindah milikkan serta pengurusannya diputuskan oleh pihak yang mewakafkannya dan tujuan wakaf adalah untuk kebaikan atau untuk perkara-perkara yang diharuskan bagi mendekatkan diri kepada Allah S.W.T. (Mohd Zamro Muda et.al, 2008, Pengantar Undang-Undang Dan Pentadbiran Pusaka, Wasiat Dan Wakaf Orang Islam Di Malaysia).

Pensyariatan Wakaf.

Wakaf merupakan satu amalan yang disyariatkan dan amat digalakkan oleh syarak. Keharusan beramal dengan wakaf diperakui di dalam al-quran, as sunnah dan ijmak.

a. Al-Qur'an

Wakaf tidak disebutkan secara sorih dalam al-Qur'an, akan tetapi wakaf termasuk dalam keumuman ayat-ayat yang memerintahkan umat Islam untuk berbuat baik, atau ayat-ayat yang memerintahkan umat Islam berderma untuk kebaikan. Diantara ayat-ayat tersebut adalah:

Firman Allah s.w.t yang bermaksud:
"Kamu sekali-kali tidak akan ,mencapai kebajikan (yang sempurna), sebelum kamu dermakan sebahagian harta yang kamu sayangi".

Surah Ali Imran
(3): 92

Allah s.w.t berfirman yang bermaksud:
"….dan menyedekahkan (sebahagian atau semua hutang) itu, lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui".

Surah Al-Baqarah
(2): 280

Dua ayat ini memerintahkan bersedekah secara mutlak,dan wakaf merupakan satu bentuk sedekah. Seorang sahabat Rasulullah saw, Abu Talhah mewakafkan kebun *Bairuhā*`miliknya setelah mendengar bacaan ayat 92 surah Ali Imran.

b. Sunnah Nabi

"Diriwayatkan dari Abu Hurairah, Rasulullah saw bersabda: apabila seorang manusia mati segala amalannya akan terputus kecuali tiga hal: sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan anak yang soleh yang mendoakannya".
(Hadith Muslim (1631) dalam Kitab Wasiat Bab Pahala Yang diterima oleh Manusia Setelah Mati).

Imam Nawawi menyatakan bahawa hadis ini merupakan dalil wakaf dan besarnya pahala wakaf, menurutnya yang dimaksud dengan sedekah jariah adalah wakaf.

"Diriwayatkan oleh Abdullah ibn Umar r.a, ia berkata:"Umar memperoleh Tanah di Khaibar, kemudian ia menemui Nabi saw untuk bertanya tentang tanah tersebut, ia berkata:"ya Rasūlullah, aku memperoleh tanah di Khaibar, aku tidak pernah memperoleh harta yang lebih bernilai sebelumnya , maka apa yang perlu aku lakukan dengannya?, Nabi saw berkata: "sekiranya mahu, engkau wakafkanlah dan sedekahkanlah hasilnya, akan tetapi jangan dijual, jangan dihibahkan dan jangan diwariskan". Abdullah Ibn Umar Berkata: maka Umar mensedekahkan hasil wakaf tersebut kepada orang-orang fakir, kaum keluarga, hamba-hamba, ibnu sabil dan para tetamu.Tidak salah bagi penjaga harta tersebut memakan hasilnya atau pun memberi makan orang lain tanpa menyimpannya.
*(*Riwayat Bukhari (2586) dalam kitab syarat bab syarat-syarat wakaf. Dan riwayat Muslim (1632) dalam kitab wasiat bab wakaf).

Tindakan Umar al-Khattab r.a merupakan wakaf pertama dalam Islam. Amalan wakaf menjadi budaya dalam kalangan para sahabat sehinggakan Jabir R.a berkata :Tidak ada seorang pun di kalangan sahabat yang berkemampuan tetapi tidak mewakafkan hartanya. (Fiqh Manhaji Jilid 5, hlm 1002)

c. Ijma'

Menurut Imam al-Qurthubi para sahabat sepakat dengan keharusan wakaf, bahkan ramai diantara mereka yang berwakaf. Menurut Imam al-Qurthubi, Abu Bakar, Umar,Uthmān, 'Ali, Aisyah, Fatimah, Amr Ibn al-Ash, Ibn al-Zubair dan Jābir mewakafkan harta mereka dan wakaf-wakaf mereka di Madinah sangat terkenal. Ibn Hazm menyatakan bahwa wakaf-wakaf para sahabat di Madinah sangat terkenal seperti matahari yang tidak ada seorangpun tidak mengetahuinya.

Ibnu Qudamah menukil perkataan Jabir yang menyatakan bahwa tidak ada satupun dari para sahabat

yang memiliki kemampuan yang tidak berwakaf, dan ini disepakati mereka, tidak ada yang mengingkarinya, maka keharusan berwakaf merupakan ijma' mereka.

Jenis-Jenis Wakaf Di Malaysia.

Fasal 3(2)Enakmen Wakaf Selangor 1999 memperuntukkan bahawa wakaf boleh diwujudkan dalam dua bentuk iaitu sama ada wakaf am atau wakaf khas. Fasal 2 Enakmen Wakaf Selangor 1999 mendefinisikan wakaf am sebagai sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan umum menurut Hukum Syarak.

Wakaf am merupakan mana-mana bentuk harta wakaf yang dibuat untuk tujuan-tujuan kebajikan atau khairat umum tanpa menentukan mana-mana benefisiari khusus (sama ada terdiri daripada individu ataupun mana-mana organisasi/institusi) ataupun tujuan-tujuan khusus yang tertentu. Wakaf dalam bentuk ini boleh diaplikasikan kepada perkara-perkara atau tujuan-tujuan kebajikan umum yang dapat meningkatkan lagi imej Islam dan masyarakatnya. Sebagai contoh seorang mewakafkan tanahnya untuk tujuan kebajikan umat Islam secara umum tanpa menetapkan sebarang syarat kepada harta yang diwakafkan.

Wakaf khas pula bersifat khusus apabila pewakaf menentukan manfaat wakaf yang dibuat untuk tujuan-tujuan khusus ataupun benefisiari-benefisiari tertentu. Sebagai contoh, seseorang

pewakaf akan menetapkan kepada siapakah wakafnya dibuat atau untuk tujuan apakah wakafnya mesti dilaksanakan. Contohnya pewakaf mewakafkan tanah untuk perkuburan atau mewakafkan tanah hanya untuk orang miskin di sesuatu tempat yang dinyatakan.

Wakaf khas merupakan wakaf yang popular di Malaysia. Pada masa kini kewujudan wakaf seperti wakaf pendidikan, wakaf perubatan, wakaf tempat ibadat, wakaf untuk anak yatim dan fakir miskin adalah dalam kategori wakaf khas. Kertas kerja ini hanya akan memfokuskan kepada wakaf pendidikan di Malaysia.

Harta-Harta Yang Boleh Diwakafkan.

Terdapat dua kategori harta yang boleh diwakafkan, iaitu harta tak alih (`*aqar* atau *immovable property)* dan harta alih *(manqul* atau *movable property).* Kebiasaannya, dalam amalan, harta tak alih banyak diwakafkan dan telah menjadi tradisi di zaman Rasulullah dan sahabat. Para ulama seperti Ibn Qudamah, Ibn 'Abidin dan al-Ramli pernah mengungkapkan bahawa; "Semasa Rasulullah SAW, tidak ada wakaf yang dilakukan melainkan dalam bentuk tanah dan rumah." Oleh itu, mereka bersetuju bahawa wakaf sah dibuat daripada harta-harta tak alih kerana ia bersifat kekal dan ini menepati kriteria terpenting sesuatu perwakafan, iaitu wujudnya elemen kekal pada aset dan manfaat harta yang diwakafkan.

Bagi harta alih pula seperti al-quran,wang, buku, sejadah dan wakaf kontemporari yang diaplikasi oleh negeri Selangor seperti wakaf emas, wakaf seni, wakaf airlines dan sebagainya tidak semua ulama berpandangan ianya boleh diwakafkan kerana elemen kekal tidak wujud dalam aset yang diwakafkan. Namun begitu, mengikut jumhur ulama seperti Imam al-Shafie, Imam Malik dan Imam Ahmad Ibn Hanbal, harta alih boleh diwakafkan dengan syarat ianya tidak habis semasa digunakan seperti kereta, peralatan perabot dan sebagainya.

Bagi harta seperti duit, saham dan sebagainya boleh juga diwakafkan dengan cara menukarkannya kepada bentuk harta kekal atau harta tak alih yang lainnya. Penukaran ini boleh dibuat dengan melaburkan item-item berkenaan dalam bentuk-bentuk pelaburan yang patuh syariah. Keuntungan yang diperoleh daripada pelaburan ini akan digunakan untuk membeli harta tak alih lain yang akan dijadikan wakaf menggantikan aset wakaf asal (harta alih) yang dilaburkan.

Pandangan ini diasaskan kepada pendapat yang dikemukakan oleh fuqaha seperti Muhammad 'Abdullah al-Ansari, salah seorang daripada sahabat Zufar. Menurut beliau, wang boleh diwakafkan dengan melaburkannya ke dalam mana-mana bentuk perniagaan atau pelaburan. Hasilnya akan disedekahkan (atau diwakafkan). Begitu juga barang-barang makanan yang boleh disukat dan ditimbang, boleh diwakafkan di mana ianya akan dijual dan wang yang diperoleh daripada jualan itu akan dilaburkan dan hasilnya juga boleh diwakafkan kepada tujuan-tujuan kebajikan.

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-77 telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan dalam Islam. Jadi, masyarakat Islam di Malaysia dapat berwakaf dengan wang tunai tanpa rasa ragu-ragu. Wakaf yang dibuat adalah dalam bentuk pembelian saham-saham wakaf yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri, institusi tertentu dan juga mewakafkan wang tunai secara bulanan melalui potongan gaji. Keharusan wakaf wang ini memudahkan pelaksanaan ibadah ini di kalangan setiap golongan masyarakat kerana nilai satu saham wakaf

adalah serendah RM2.00 sahaja, contohnya di Melaka. Mereka tidak perlu memiliki harta atau wang banyak untuk melaksanakannya.(Asmak Ab Rahman, 2009)

Menurut Shaikh Zarqa, setiap perkara berkaitan wakaf adalah menjadi persoalan ijtihad dan semua ulama sebulat suara berpendapat bahawa tujuan wakaf yang dilakukan mestilah membawa kepada kebaikan Oelh kerana ia bersifat ijtihadi, maka ia berrsifat fleksibel, terbuka kepada tafsiran baru, futuristik dan boleh dikembangkan potensinya mengikut kesesuaian zaman. Dasar hukum wakaf sangat sedikit disentuh di dalam al-quran dan hadith dan ini memberi ruang kepada peluang ijtihad yang sangat luas menurut keadaan realiti semasa. (Ahmad Zaki Abd Latiff et al,2008 hlm. 12)

Pengurusan Harta Wakaf Menurut Syarak .

Panduan bagaimana harta wakaf perlu diuruskan adalah berdasarkan hadis Ibn ‘Umar yang bermaksud:

“Dari Nafi` dari Ibn `Umar beliau menyebut bahawa Umar r.a. telah memperoleh tanah di bumi Khaibar. Beliau lalu bertanya kepada Rasulullah SAW: “Wahai Rasulullah, saya telah memperoleh tanah di bumi Khaibar yang nilainya tinggi dan tidak pernah saya peroleh yang lebih tinggi nilai daripadanya. Apakah yang tuan mahu saya lakukannya? Rasulullah SAW bersabda: “Kalau kamu mahu, bekukan sumbernya dan bersedekah dengannya.” Lalu Umar menyedekahkan tanah tersebut kepada fakir miskin, kaum keluarganya, untuk memerdekakan hamba, para tetamu, dana orang musafir. Tanah tersebut tidak boleh dijual, dihibah atau dijadikan pusaka. Tetapi, ia boleh digunakan dengan cara yang munasabah oleh pihak yang menguruskannya. Contohnya, memakan harta tersebut tanpa menjadikannya sebagai sumber harta.” (Ibn Hajar Al-‘Asqalani (2001), *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, jil. 5, Kitab al-Syurut, Bab al-Syurut fi al-Waqf, no. Hadith 2737; Kitab al-Wasaya, Bab al-Waqf Kaifa Yaktub, hadith no. 2772.)

Merujuk kepada hadith di atas para fuqaha menetapkan tiga prinsip peraturan wakaf yang perlu direalisasikan dalam pelaksanaan sesuatu wakaf, iaitu: (a) Harta wakaf tidak boleh dijual.(b) Harta wakaf tidak boleh dihibahkan kepada orang lain.(c) Harta wakaf tidak boleh diwarisi.

Dalam konteks pembangunan ekonomi dan memajukan harta wakaf bagi mencapai hasrat pewakaf, ketiga-tiga prinsip ini harus diambil kira supaya nazir wakaf tidak melanggar peraturan wakaf. Walau bagaimanapun nazir dibenarkan mengambil upah atas pengurusan harta-harta wakaf pada kadar yang bersesuaian dan tidak sampai kepada tahap seolah-olah harta tersebut adalah milik nazir. (Al-Syawkani, Muhammad bin `Ali, (t.t.), *Nayl al-Awtar*, jil. 6. Qaherah: Maktabah wa Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi, hh. 24-29.)

Sejarah Institusi Pendidikan Wakaf Di Malaysia.

Wakaf pendidikan di Malaysia bermula di sekolah-sekolah pondok yang kemudiannya melahirkan madrasah-madrasah dan seterusnya mewujudkan sekolah-sekolah agama rakyat. Institusi pendidikan islam yang diwakafkan boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu:
Pertama, Sekolah Agama Rakyat (SAR). Ia menerima sumber kewangan dari kerajaan pusat, negeri atau Majlis Agama Negeri dan ditadbir oleh rakyat atau guru dan didaftar sebagai

sekolah persendirian di bawah hakmilik wakaf(sama ada sebagai rizab sekolah agama atau wakaf persendirian). Segala kos dan perbelanjaan ditanggung oleh pemilik. Dan sumber kewangan SAR juga perlu diusahakan sendiri. Namun seksyen 52 Akta Pendidikan 1954 membolehkan Menteri menghulurkan sumbangan kepada mana-mana institusi agama persendirian dalam betuk bantuan per kapita untuk urusan pengajaran dan pembelajaran, bantuan modal membina/membaiki bangunan, bantuan kursus guru, bantuan perpustakaan, dan bantuan buku teks di bawah skim pinjaman buku teks.

Kedua, Sekolah Agama Negeri(SAN) yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan negeri dan ditadbir oleh kerajaan negeri melalui Majlis Agama Negeri-negeri. Ketiga, Sekolah Agama Rakyat (SAR) di bawah pentadbiran MAjlis Agama Negeri dan Zakat.

Kategori kedua dan ketiga, merupakan sekolah bantuan kerajaan negeri dan dikawal,oleh Main(sbagai pemegang amanah) dan ditadbir sepenuhnya oleh MAIN dan diletakkan di bawah atnggungjawab bahagaian sekolah agama. Kos pembangunan pula, tapak pembianaan dimiliki oleh MAIN disenaraikan sebagai rizab di Pejabat Tanah Galian dan Negeri. Tiada kos diperlukan bagi memperolehi tapak sekolah dana pembangunan diserahkan kpd MAIN. (Ahmad Zaki Abd Latiff et al,2008). Antara sekolah-sekolah Agama wakaf yang yang terkenal adalah :

Madrasah Al-Attas Di Negeri Pahang

Ia diwakafkan oleh Syed Hassan bin Al Attas.Matlamat penubuhan adalah untuk menyebarkan agama Islam dan bahasa arab kepada rakyat tempatan. Madrasah pertama yang dibina pada tahun 1860 adalah Madrasah Al-Attas. Ia didirikan di atas tanah yang diwakafkan oleh al-Habib Hassan al-Attas. Dalam tempoh pembangunannya sekolah ini menghadapi pelbagai masalah terutamanya masalah kewangan. Pada tahun 1966 hingga kini ia telah diserahkan kepada kerajaan negeri Pahang.Kini ia dikenali dengan nama sekolah Menengah Agama al-Attas.

al-Habib Hassan al-Attas kemudiannya berhijrah ke Johor dan menubuhkan satu lagi Madrasah Al-Attas di sana pada tahun 1913. Madrasah ini kekal sehingga kini dan ditadbir oleh waris-waris beliau.Majlis Trustee merupakan pemegang amanah bagi harta wakaf al marhum al-Habib Hassan al-Attas berdasarkan wasiat al-marhum. Madrasah ini telah berperanan dalam mengembangkan bahasa arab di Johor. Bahasa pengantar yang digunakan adalah bahasa arab dan pelajarnya terdiri daripada pelajar di dalam dan di luar negeri Johor. Guru-gurunya didatangkan dari Yaman selatan, Mesir dan Indonesia. Sebahagian pelajar dihantar ke Universiti Al-Azhar di Mesir. Pada tahun 1970-an madrasah ini telah menukar poisinya dengan menumpukan kepada pendidikan akademik sahaja bagi mengelakkan ia ditutup kerana masyarakat ketika itu kurang memberi sumbangan kepada pendidikan aliran arab dan agama. Pada tahaun 1975, nazir Tuan Syed Ali al-Attas telah mengubah polisi dengan mengitegrasikan semua pelajaran agama dan arab dengan akademik. Tokoh-tokoh ulama yang Berjaya dilahirkan dari madrasah ini adalah Dato’ Ahmad Awang (Mufti Johor), Dato’ Murtadza Ahmad (Mufti Negeri Sembilan), Pehin Dato’ Sri Utama Hj Ismail Umar Abdul Aziz (Mufti Brunei) dan Dato’ Harusani Zakaria (Mufti Perak). (Ahmad Zaki Abd Latiff et al,2008)

Sekolah Agama Arab-Al-Masriyah, Bukit Mertajam.

Sekolah ini ditubuhkan oleh TUAN Guru Hj Salleh al-Masri pada tahun 1906 berteraskan sistem pondok. Ia dibina di atas sebidang tanah yang diwalafkan oleh bapa mentuanya Tuan Haji Abbas serta beberapa orang hartawan di sekitar Bukit Mertajam. Sehingga kini tapak sekolah ini telah didaftarkan di atas nama Majlis Agama Pulau Pinang (MAIPP) oleh pewakaf dalam dan luar Negara.

Sistem pengajian di sini adalah dari peringkat Taska Asuhan Kanak-Kanak Islam (TASKI) hinggalah ke peringkat menengah. Ia ditadbir oleh keluarga Tuan Guru Hj Fuad, menantu kepada Tuan Hj Salleh Al-Masri. Pentadbir dan pengurus sekolah dilantik oleh Jemaah Lembaga Pengawasan Sekolah di bawah Jabatan Agama islam Pulau Pinang(JAIPP). Pada tahun 2005 sekolah ini telah dinbatkan sebagai sekolah terbaik di Pulau Pinang oleh MAIPP dan juga telah mendapat pengiktirafan madrasah Thanawiah Malaysia dari Unversiti Madinah. Pelajarbyang mendapat syahadah thanawiah dari seolah ini diterima untuk melanjutkan pelajaran tahun pertama di Universiti Madinah kecuali bagi Fakulti al-Quran yang mngenakan syarat tambahan iaitu pelajar mestilah seorang hafiz/hafizah.

Antara tokoh kelahiran sekolah ini adalah Tuan Syaikh Hassan al-Yamani (bekas Mufti Terengganu),YB Dato'Hj Ishak Baharom(bekas Mufti Selangor), YB Dato' Hj Hashim yahaya (bekas Mufti Wilayah Persekutuan), Tuan Hj Adnan Mohd Amin (bekas Kadi Melaka), Tuan Hj Ismail Hamzah (bekas Mufti Perak) dan ramai lagi. (Ahmad Zaki Abd Latiff et al,2008)

Madrasah Khairiah Islamiah, Pokok Sena, Kepala Batas, Kedah.

Ia merupakan sebuah institusi pendidikan menengah agama rakyat yang terkenal di Pulau Pinang. Ia diasaskan oleh Tuan Hj Hussin bin Hj Mohd Nasir Al-Masudi(1863-1935). Setelah kematiannya, jawatan Mudir diambil alih oleh anak beliau, Tuan Hj Ahmad. Sekolah ini dibina di atas sekeping tanah seluas satu ekar di Pokok Sena, Kepala Batas yang diwakafkan oleh pengasas sekolah ini. Matlamat penubuhan sekolah ini adalah untuk mendidik dan menanamkan semangat kasihkan agama, bangsa dan tanahair di kalangan anak bangsa. (Ahmad Zaki Abd Latiff et al,2008)

Maktab Mahmud.

Sekolah ini diasaskan oleh al-Marhum DYMM Tunku Mahmud Ibn Al-marhum Tunku Ahmad Tajuddin al-Mukarram Shah pada 16 Jun 1936. Matlamat penubuhan adalah untuk menjadikannya sebagai pusat penyebaran agama Islam, bahasa arab serta melahirkan tokoh-tokoh agama. Pengasas berpendapat bahawa dia perlu menubuhkan sebuah sekolah yang setanding dengan sekolah Inggeris. Sistem pendidikannya adalah berdasarkan sistem pendidikan Al-Azhar di Mesir.
Sekolah ini dibiayai oleh kerajaan negeri dan kerajaan pusat melalui kementerian pelajaran, juga hasil wakaf dari orang perseoranagan berupa tanah bendang seluas 122 relung di tujuh kawasan berasingan dalam daerah Kubang Pasu, kedah. Sekolah ini mempunyai cawangan di Langkawi dan Yan. Pada tahun 2002 kerajaan pusat telah menahan bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah agama dan Maktab Mahmud telah mengambil alih semua sekolah agama yang hampir ditutup melalui Lembaga Pentadbiran Maktab Mahmud yang dipengerusikan oleh seorang exco negeri. Sekolah-sekolah tersebut dijadikan sebagai cawangan kepada Maktab Mahmud.

Tokoh yang lahir dari sekolah ini adalah Dato' Dr. Abdul Halim Ismail (tokoh Kewangan Islam), Dato' Dr Mashitah Ibrahim,datuk Paduka Diraja Sheuikh Abdul majid Mat Noor (bekas Mufti Kedah). (Ahmad Zaki Abd Latiff ,et al,2008)

Madrasah Masyhor Al-Islamiyyah.

Pada tahun 1916, beberapa tokoh Islam di Georgetown telah mendirikan Sekolah al-quran untuk kanaka-kanak. Haji Bacik (seorang hartawan) telah mewakafkan tanahnya di Tek Soon Street bagi pembukaan Madrasah Masyhor Al-Islamiyyah. Syed Syeikh Bacik menjadi pentadbir sekolah ini. Sekolah ini mengajar agama dan bahasa inggeris. Madrasah ini menjadi pusat pengajian Islam yang unggul tertamanya sepuluh tahun selepas perang dunia kedua dan menjadi saluran bagi penuntut ke luar negara. Madrasah ini menyediakan pendidikan percuma kecuali bayaran penginapan. (Ahmad Zaki Abd Latiff et al,2008)

Kolej Islam Malaya.

Ia merupaka sebuah Maahad bertaraf Kolej Islam Malaya. Ia dibangunkan atas dasar wakaf dan derma dari umat Islam. Sultan Hisamudin Alam Shah telah mewakafkan Istana Selangor di Klang sebagai bangunan kolej.Pada 25 februari 1955 kolej ini telah dilancarkan dan menerima 55 orang pelajar. Ia dipimpin oleh graduan Al-Azhar dan Universiti Kaherah iaitu Ismail Omar Abdul Aziz.
Kerajaan Republik Arab juga telah mengutus dua orang sarjana untuk menyumbangkan tenaga kepada kolej ini. Kolej Islam Malaya bertahan hingga tahun 1970 dan kemudiannya diganti dengan Kolej Islam Klang. Matlamat penubuhan Kolej Islam Malaya tetap diteruskan dan harta wakaf ini dipegang oleh Lembaga Bersekutu Pemegang Amanah Pengajian Tinggi Malaysia. (Ahmad Zaki Abd Latiff et al,2008)

Demikianlah contoh beberapa sekolah yang ditubuh berdasarkan wakaf di Malaysia pada peringkat awal. Pondok, sekolah, madrasah dan sekolah agama rakyat ini menjadi khazanah yang amat bernilai bagi umat Islam kerana berjasa mempertahankan akidah umat islam sejak zaman penjajahan di samping menjadi alternatif kepada sistem pendidikan kebangsaan. Institusi ini juga terus membekalkan tokoh-tokoh agama yang disegani dan diiktiraf sumbangan mereka oleh masyarakat dan agama.

Wakaf Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Di bawah tajuk ini penulis akan membincang beberapa model wakaf pendidikan yang diamalkan di peringkat institusi pengajian tinggi.

Dana Wakaf Ilmu Universiti Putra Malaysia

Usaha untuk membangunkan dana wakaf telah dilakukan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) melalui Dana Wakaf Ilmu (yang ditubuhkan pada 2011) .Kerjasama UPM dan MAIS dilakukan untuk mewujudkan Akaun Khas Dana Wakaf Ilmu UPM, penubuhan Jawantankuasa Syariah Dana Wakaf Ilmu UPM dan Jawatankuasa Dana Wakaf Ilmu UPM. Dato' Setia Mohamad Azib berkata, setiap dana infaq dan wakaf ilmu di UPM, sama ada wakaf Am atau wakaf Khas, akan digunakan untuk penyediaan fasiliti dan prasarana bagi aktiviti keilmuan, merangkumi program pengajaran dan pembelajaran, aktiviti dakwah dan pengimarahan, penyelidikan dan inovasi serta khidmat komuniti.Wakaf Ilmu UPM adalah

satu cara menderma dan berwakaf melalui wang tunai dengan niat mewakafkannya selama-lamanya kerana Allah S.W.T demi kepentingan dan kemajuan ilmu.(Noor Eszereen Juferi, UPM–MAIS Bekerjasama Urus Dana Wakaf Ilmu UPM , http://www.upm.edu.my/berita/details/upmmaiskerjasamaBM, 7 November 2014).

Sehingga kini, Jawatankuasa Pemegang Amanah Dana Wakaf Ilmu UPM telah meluluskan empat (4) cadangan agihan manfaat wakaf yang telah dijenamakan sebagai Skim Wakaf Pendidikan dan Skim Wakaf Penerbitan, seperti berikut –

<u>Skim Wakaf Pendidikan</u> (i) Bantuan “DERMASISWA ASASI” pelajar laluan pantas Pusat Asasi Sains Pertanian; dan (ii) Bantuan “DERMASISWA PENYELIDIKAN” pelajar tahun akhir program ijazah sarjana muda.

<u>Skim Wakaf Penerbitan</u> (i) Jualan/Wakaf Mushaf “AL-QURAN” (*Waqf Ibtida’)*; dan (ii)Jualan/ Wakaf Buku “RADIN UMAR RADIN SOHADI ... SEBUAH MEMOIR”. (http://www.fund4knowledge.upm.edu.my/ezakatputra/index.php?option=com_content&view=article&id=74&Itemid=137, 9 November 2014)

Pusat Pembiayaan Wakaf Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Prof. Dato’ Dr. Hj. Mohamad Hj Alias, Pengarah Pusat Pembangunan Pembiayaan Wakaf USIM berkata, keperluan kepada pengurusan dan governan wakaf secara korporat dan profesional sebagaimana diamalkan di Singapura amat diperlukan oleh negara. Sejajar dengan keperluan amalan berwakaf, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berpandukan visinya telah mengambil inisiatif untuk mengetengahkan kaedah wakaf dalam aspek pembiayaan pembangunan pendidikan di Institusi Pengajian Tinggi Islam. Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dalam amanat tahun baru pada 6 Februari 2013 menyatakan bahawa dalam aspek penjanaan pendapatan, universiti bukan hanya ingin melihat tetapi juga menggerakkan Pembiayaan Wakaf.

Tata cara menguruskannya perlu lebih dinamik dan mungkin boleh dikupas oleh pakar di USIM untuk mewujudkan universiti hybrid yang dibiayai 70 peratus oleh Kerajaan dan 30 peratus secara wakaf. Idea mewujudkan universiti hybrid yang ingin dilaksanakan USIM itu adalah gabungan konsep enterprise sosial, pematuhan syariah dan pembiayaan wakaf. Antara fokusnya adalah menyediakan peluang pembiayaan wakaf bagi perolehan peralatan perubatan untuk Hospital Pengajar USIM yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Tiga konsep utama tersebut direalisasikan berasaskan gabungan antara USIM sebagai sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan perkhidmatan kepada masyarakat setempat (Negeri Sembilan) dan Malaysia secara umumnya.

Sebagai permulaan, Klinik Pakar Kesihatan USIM akan dibina dengan bantuan dana sebanyak RM2 juta daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan memorandum persefahaman kerjasama itu telah ditandatangani. Klinik itu akan menyediakan khidmat dalam bidang kesihatan dan pergigian. Doktor-doktor pakar yang terlibat adalah daripada tenaga akademik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan Fakulti Pergigian USIM. Selain itu, Klinik Hemodialisis USIM-MAINS dengan kos permulaan RM1.5 juta juga akan dibina dengan kos keseluruhannya ditaja MAINS. Perlaksanaan projek itu akan dilakukan oleh Perbadanan Wakaf Negeri Sembilan sebagai mutawalli sebelum diserahkan kepada USIM

untuk tujuan operasi. Klinik itu berperanan memberikan perkhidmatan percuma kepada golongan asnaf yang terlibat dengan bantuan zakat. Malah jaringan kerjasama itu lebih bermakna apabila USIM dilantik sebagai mutawalli oleh MAINS pada bulan Julai 2013.

Kerjasama itu mampu memberi kesan positif kepada pembangunan ekonomi masyarakat sekitar, negara dan ummah secara global dalam menjamin kelangsungan dan kelestarian ekonomi untuk generasi Muslim pada masa akan datang. (Dr. Mohammad Alias dan Dr. Fuadah Johari, 5 Mac 2014, Utusan online, USIM Majukan Wakaf Pendidikan).

International Islamic University Malaysia(IIUM) Endownment Fund.

IIUM Endownment Fund merupakan sebuah badan atau jabatan yang ditubuhkan oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia secara rasmi pada tahun 1999 oleh rektor universiti yang kedua iaitu Prof. Datuk Dr. Abdul Hamid Abu Sulaiman.

Objektif penubuhan adalah untuk mengatasi masalah kewangan yang agak serius di kalangan pelajar dari luar negara. Kini pertubuhan menerima permohonan bantuan dari pelajar tempatan yang juga menghadapi masalah yang sama.Sehingga kini statistik menunjukkan bahawa bantuan kepada pelajar tempatan adalah lebih banyak lagi berbanding dengan pelajar luar negara.

Pertubuhan ada menerima bantuan kewangan dari organisasi-organisasi atau pun individu-individu terutama dari kakitangan universiti yang memberi sumbangan atas nama pemberian zakat (sama ada zakat harta simpanan atau pun perniagaan).Ada juga individu atau organisasi yang memberikan sumbangan atau nama sedekah kepada pihak pertubuhan.Bagi dana yang diterima atas nama sedekah, pertubuhan akan membuat pelaburan dari dana tersebut untuk mengembangkan sumber pendapatan yang ada. Secara tidak langsung, akan memberi penambahan sumber dana yang sedia ada. Antara organisasi yang memberikan bantuan seperti bank, yayasan, dan syarikat swasta. Sebagai contoh Prof Dr Yusuf Abdullah Ali Al- Qaradawi telah menyumbangkan RM40,000 kepada IIUM Endownment fund pada tahun 2009. (http://www.pekema.org.my/index.php?option=com_content&view=article&id 120:iium-endownment-fund&catid=70:laporan-yayasan&Itemid, 2010)

Wakaf Selangor Muamalat (WSM)

Perkhidmatan Wakaf Selangor Muamalat memberi peluang kepada orang ramai khasnya pelanggan BMMB di kalangan orang-orang Islam dan Bumiputera yang ingin menunaikan tanggungjawab berwakaf. Juga kepada orang bukan Islam yang ingin memberikan sumbangan, tetapi tidak berkemampuan untuk berwakaf dengan menggunakan harta tetapi memadai berwakaf dengan minimum RM2.00 sahaja. Hasil kutipan wakaf ini akan disalurkan kepada pembangunan pendidikan, kesihatan, pelaburan dan juga lain-lain tujuan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JPB) dari semasa ke semasa. Prospek wakaf ini sangat luas dan tidak terbatas kepada projek ibadah khusus semata-mata tetapi meluas kepada apa-apa aktiviti yang berkepentingan awam seperti i. Pembangunan

institusi pendidikan seperti Maahad Tahfiz, Universiti dan sebagainya; ii. Pembangunan insitusi kesihatan seperti hospital dan klinik; dan iii. Pelaburan dana wakaf.

Kelebihan dan Manfaat Wakaf Selangor Muamalat

Dapat menjalankan tanggungjawab korporat sosial BMMB dengan memberi dan berkongsi kekayaan dengan masyarakat dengan menjana dana bagi membantu pembangunan aset wakaf untuk kegunaan institusi pendidikan dan kesihatan. BMMB juga dapat membantu institusi pendidikan yang menghadapi kekangan kewangan dengan pemberian dana disamping mengurangkan kebergantungan institusi pendidikan dan kesihatan kepada bantuan daripada kerajaan.

Modus Operandi Wakaf Selangor Muamalat

Pelanggan boleh menyumbang untuk dana wakaf melalui pelbagai kaedah seperti melalui kaunter, Hibah daripada akaun simpanan atau akaun semasa Wadiah Bank Muamalat Malaysia Berhad(BMMB) pelanggan, arahan pembayaran berkala (PPI) daripada akaun simpanan atau akaun semasa BMMB dan pelanggan yang bergaji bulanan melalui BMMB.
Selaku ejen kepada institusi wakaf, BMMB dibenarkan untuk mengutip dana wakaf daripada masyarakat awam. Dana tersebut akan dipindahkan ke Akaun Wakaf Induk institusi wakaf tertentu sebelum diagihkan untuk program-program pendidikan, kesihatan dan pelaburan. akaf Selangor Muamalat ini dapat mengurangkan kebergantungan institusi pendidikan dan kesihatan terhadap bantuan daripada kerajaan seterusnya membantu mengurangkan bebanan rakyat yang tidak mampu untuk menanggung bebanan kos perubatan dan pendidikan yang semakin meningkat. (Al-Muamalat,Siri 7, 2012, hlm 10-13)

Cabaran Dalam Membangunkan Harta Wakaf.

Tinjauan kepada perlaksanaan dan pembangunan wakaf di Malaysia mendapati bahawa terdapat beberapa isu dan cabaran yang sering dikemukakan.
Pertama: Meskipun negara Malaysia kian membangun dan sedang berkembang pesat seiring dengan era globalisasi dunia, tahap kesedaran dan pengetahuan masyarakat tentang wakaf dan kepentingannya masih lagi rendah. Seruan kepada wakaf ini juga pernah disentuh oleh cendiakawan agung Melayu, Prof Diraja Ungku Aziz, beliau menyatakan, "*Kalaulah semua umat Islam mewakafkan seringgit seorang sebulan, bayangkan jika umat Islam berjumlah enam juta orang, maka modal terkumpul sebulan ialah sebanyak enam juta ringgit.*"

Persepsi masyarakat terhadap beberapa aspek dalam ibadah seperti wakaf masih lagi cetek dan ia belum lagi menjadi isu yang sensitif seperti ibadah umrah, korban yang sering diperbincangkan kelebihan-kelebihannya dalam sesi-sesi kuliah dan pengajian serta di media massa.

Kedua: Masalah perundangan iaitu ketidakseragaman undang-undang wakaf antara negeri-negeri telah mewujudkan perbezaan dalam pemahaman, tafsiran, tatacara pengeluaran fatwa dan hukum. Ini berpunca daripada kedudukan harta wakaf sepertimana perkara-perkara agama lain terletak di bawah bidangkuasa negeri Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan) dan tiada enakmen khusus berkaitan pengurusan dan pentadbiran wakaf di negeri-negeri kecuali Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Ketiga: Kebanyakan harta wakaf terletak di lokasi yang kurang strategik dan tidak mempunyai nilai pembangunan.

Keempat: Pencerobohan tanah-tanah wakaf oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sukar dibendung di negeri-negeri yang tiada enakmen wakaf yang khusus. Ketiadaan peruntukan undang-undang berkaitan mengakibatkan penceroboh tidak boleh didakwa.

Kelima, bagi premis perniagaan yang berada di atas tanah wakaf, tarif sewa yang dikenakan pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) terhadap peniaga adalah sangat rendah daripada harga semasa. Ini menyebabkan institusi agama negeri-negeri tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh untuk digunakan bagi menyalurkan bantuan.

Keenam: Masih terdapat tanah wakaf yang tidak didaftarakan ke atas nama pemegang harta wakaf. Ini menyebabkan ketiadaan rekod yang menyebabkan kawasan wakaf tidak boleh dibangunkan.

Ketujuh: Perkembangan dan pembangunan aplikasi wakaf dalam konteks kewangan masih belum dapat dilaksanakan secara komersial di institusi kewangan seperti di bank-bank kerana ia memerlukan sokongan wakaf daripada orang ramai. Konsep dan produk berasaskan wakaf sebenarnya boleh dibangunkan dalam bentuk kewangan yang boleh mendatangkan keuntungan kepada semua pihak

Kelapan: Tiada lagi satu bentuk pentadbiran wakaf yang menjadi pusat bagi semua operasi wakaf negeri-negeri. Perbadanan wakaf berpusat dan jawatankuasa khusus wakaf perlu untuk menjamin kelancaran dan kelicinan perlaksanaan operasi wakaf di Malaysia. Perbadanan wakaf berpusat ini juga bertanggungjawab memantau dan mengawal selia semua operasi wakaf di Malaysia.

DAPATAN.

Di Malaysia, peranan wakaf dalam penyediaan pendidikan telah lama bertapak tetapi lebih tertumpu kepada pendidikan peringkat rendah dan menengah. Masyarakat masih berpersepsi bahawa wakaf adalah dalam bentuk aset atau hartanah dan dibuat untuk masjid dan sekolah pondok. Kini amalan wakaf mula diamalkan di institusi-institusi pendidikan tinggi. Antara faktor-faktornya adalah kenaikan yuran pendidikan saban tahun serta kelahiran institusi-institusi pengajian tinggi baru yang menggugat kelangsungan pendidikan sesebuah institusi pendidikan yang telah lama bertapak. Amalan wakaf pada peringkat awal sebahagiannya mengalami kegagalan disebabkan kelemahan urus tadbir oleh pemegang amanah harta wakaf dan juga kesukaran mendapatkan dana wakaf secara berterusan.

KESIMPULAN.

Dalam era globalisasi ini adalah menjadi satu cabaran untuk digalas oleh institusi pendidikan untuk menyediakan pendidikan yang terbaik, efisien di setiap peringkat pendidikan untuk semua golongan masyarakat. Cabaran utama adalah untuk mencari dana dan kaedah yang sesuai untuk mengembangkan dana wakaf agar Institusi pendidikan wakaf dapat meneruskan kelangsungan dan kelestarian pendidikan.

Antara cadangan untuk memperkasakan lagi wakaf pendidikan adalah memanfaatkan konsep wakaf tunai bagi membantu pembiayaan pendidikan melalui mekanisme subsidi menerusi pengurangan yuran atau pemberian wang saguhati. Model wakaf IPT juga tidak terhad kepada bentuk wang tunai dan hartanah sahaja malah merangkumi pengajaran, penyelidikan dan penulisan, buku dan alat bantuan mengajar. IPT juga disarankan menubuhkan institusi khas untuk menguruskan wakaf serta berusaha memiliki aset dan tanah yang diwakafkan oleh kerajaan atau orang ramai melalui perundingan. IPT juga disarankan membina jaringan dengan individu atau syarikat korporat ternama, selain bekerjasama dengan yayasan wakaf luar negara untuk mendapatkan dana. Model wakaf di Universiti Al-Azhar, Mesir dan Pesantren di Indonesia patut dijadikan model dalam merealisasikan institusi pendidikan wakaf yang tersohor di mata dunia. Usaha memberikan pencerahan dan pemahaman kepada masyarakat juga penting dan perlu dilaksanakan untuk menjamin kecukupan dana yang diperlukan.

RUJUKAN.

Ahmad Zaki Abd LAtiff, Abdul Halim Ramli, Che Zuina Ismail, Kamarulzaman Sulaiman, Norzaidi Mohd Daud, 2008, *Wakaf, Pengurusan Dan Sumbangannya Terhadap Pendidikan Islam Di Malaysia*, UPENA,UTM Shah Alam.

Al-Muamalat, PP1703/10/2012, Siri 7.

Al-Syawkani, Muhammad bin `Ali, (t.t.), *Nayl al-Awtar*, jil. 6. Qaherah: Maktabah wa Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.

Asmak Ab Rahman , Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia, *Shariah Journal*, Vol. 17, No. 1 (2009) 113-152

Dr. Mohammad Alias dan Dr. Fuadah Johari, 5/3/2014, Utusan online, USIM Majukan Wakaf Pendidikan.

Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999.

Fiqh Manhaji,2005, Jilid 5, Prospecta Printers Sdn Bhd.

http://www.mais.gov.my/e-pemasaran/wakaf/projek-wakaf.asp.

Mohd Zamro Muda, Mohd Ridzuan Awang, Abdul Basir Mohamad, Md Yazid Ahmad, 2008, Pengantar Undang-Undang Pentadbiran Pusaka,Wasiat Dan Wakaf Orang Islam Di Malaysia, Jabatan Syariah, FPI,UKM, Bangi.

Noor Eszereen Juferi, UPM–MAIS Bekerjasama Urus Dana Wakaf Ilmu UPM , http://www.upm.edu.my/berita/details/upmmaiskerjasamaBM, 7 November 2014).

Raziatul Hanum A. Rajak, Sinar Harian, 7 januari 2014

USIM akhbar file:/G:/lms 20sept14/354-mengurus-universiti-melalui-pembiayaan-wakaf.htm